NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 56
No. 15

**24hb Julai 2003**

*TAMBAHAN No. 1*
*ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Selangor, pada 28 April 2003, adalah diisytiharkan untuk makluman umum:


| No. Enakmen | Tajuk ringkas | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 | 1 |
| 2 | Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 | 139 |


The following Enactments passed by the Legislative Assembly, Selangor, on the 28 April 2003, are published for general information:


| Enactment No. | Short title | Page |
|---|---|---|
| 1 | Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 | 73 |
| 2 | Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 | 221 |

# ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

## SUSUNAN SEKSYEN

### Bahagian I

PERMULAAN

Seksyen
1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kecualian prerogatif

### Bahagian II

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

4. Penubuhan Majlis
5. Identiti di sisi undang-undang dan fungsi Majlis
6. Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan
7. Kewajipan Majlis tentang kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam
8. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan
9. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
10. Kuasa untuk meminjam
11. Keanggotaan Majlis
12. Tamat pelantikan
13. Pembatalan pelantikan
14. Penyiaran pelantikan, dan pembatalan dalam *Warta*
15. Kawalan oleh Pengerusi
16. Setiausaha
17. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Majlis
18. Mempengerusikan mesyuarat

Seksyen

19. Kuorum
20. Penjalanan urusan
21. Memanggil mesyuarat
22. Minit
23. Aturan urusan mesyuarat
24. Salinan diperakui bagi ketetapan
25. Permohonan cuti oleh Pengerusi dan ahli lain
26. Tindakan dalam hal yang perlu disegerakan
27. Jawatankuasa
28. Perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis
29. Pelantikan pegawai dan pekhidmat Majlis
30. Tatatertib
31. Jawatankuasa tatatertib
32. Peraturan-peraturan tatatertib
33. Lembaga Rayuan Tatatertib
34. Pengenaan surcaj
35. Notis tunjuk sebab sebelum disurcaj
36. Amaun surcaj
37. Pemberitahuan surcaj
38. Penarikan balik surcaj
39. Mendapatkan surcaj
40. Majlis boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.
41. Kerahsiaan
42. Pekhidmat Awam
43. Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri

BAHAGIAN III

PELANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATANKUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL

44. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti
45. Fungsi Mufti

Seksyen

46. Jawatankuasa Fatwa
47. Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa
48. Tatacara pembuatan fatwa
49. Fatwa yang disiarkan dalam *Warta* adalah mengikat
50. Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan fatwa
51. Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional
52. Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
53. Meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa
54. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH SYARIAH

55. Penubuhan Mahkamah Syariah
56. Pelantikan Ketua Hakim Syarie
57. Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
58. Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
59. Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
60. Pendaftar-Pendaftar
61. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah
62. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah
63. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah
64. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran merayu
65. Perakuan pewarisan
66. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah
67. Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah
68. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah
69. Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah
70. Keputusan ikut majoriti
71. Penerusan prosiding Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada
72. Mahkamah terbuka
73. Bahasa

Seksyen

74. Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam
75. Tindakan bersaling
76. Pelindungan Hakim, Pegawai Mahkamah, dll.
77. Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah

BAHAGIAN V

PENDAKWAAN DAN PERWAKILAN

78. Ketua Pendakwa dan Pendakwa Syarie
79. Pegawai Penguatkuasa Agama
80. Peguam Syarie

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

*Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis*

81. Penubuhan Baitulmal
82. Anggaran pendapatan dan belanjawan
83. Perbelanjaan Majlis
84. Akaun bank
85. Akaun dan laporan tahunan

*Zakat dan Fitrah*

86. Kuasa Majlis memungut zakat dan fitrah
87. Kuasa membuat peraturan-peraturan
88. Rayuan

*Wakaf, Nazr dan Amanah*

89. Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah
90. Peletakan harta wakaf, nazr dan amanah pada Majlis
91. Sekatan bagi pewujudan amanah khairat

Seksyen

92. Pendapatan daripada wakaf dan nazr

93. Modal wakaf dan nazr

94. Pengertian suratcara tentang wakaf atau nazr

95. Penyiaran senarai harta wakaf, nazr dan amanah

BAHAGIAN VII

MASJID

96. Majlis menjadi pemegang amanah tunggal bagi masjid dan tanah yang berkaitan dengannya

97. Sekatan tentang penubuhan masjid dan penalti

98. Penubuhan masjid

99. Penyenggaraan masjid dan kawasannya

100. Pelantikan Pegawai Masjid

101. Tauliah Pegawai Masjid

102. Tempoh jawatan Pegawai Masjid

103. Kawalan dan arahan atas Pegawai Masjid

104. Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid

105. Pengecualian masjid

BAHAGIAN VIII

PUNGUTAN KHAIRAT

106. Pungutan khairat

BAHAGIAN IX

MEMELUK AGAMA ISLAM

107. Kehendak-kehendak bagi pemelukan agama Islam

108. Saat memeluk agama Islam

109. Tugas-tugas dan kewajipan muallaf

110. Pendaftar Muallaf

111. Pendaftaran muallaf

112. Perakuan Memeluk Agama Islam

Seksyen

113. Pengiktirafan muallaf sebagai orang Islam

114. Penentuan sama ada orang yang tidak didaftarkan ialah seorang muallaf

115. Kesalahan memberikan maklumat palsu

116. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

117. Keupayaan untuk memeluk agama Islam

BAHAGIAN X

PENDIDIKAN AGAMA ISLAM

118. Jawatankuasa Tauliah

119. Kesalahan mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam tanpa tauliah

120. Sekolah agama Islam

121. Pengecualian

BAHAGIAN XI

AM

122. Kuasa am untuk membuat peraturan-peraturan

123. Pemansuhan

124. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

SELANGOR

**ENAKMEN No. 1 tahun 2003**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
*Sultan Selangor*

8 Julai 2003

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan baru tentang pentadbiran Agama Islam; penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Selangor, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut :

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa**

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Enakmen ini.

**Tafsiran**

**2.** (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"ahli kariah" ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kariah masjid;

"Baitulmal" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 81;

"Enakmen terdahulu" ertinya Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor, 1989 [Enakmen No.2 tahun 1989] atau Bahagian IV dan X Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1952 [Enakmen No.3 tahun 1952], mengikut mana yang berkenaan;

"Hakim Syarie" atau "Hakim" ertinya seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah subseksyen 58(1) atau 59(1);

"Hakim Mahkamah Rayuan Syariah" ertinya seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah subseksyen 57(1);

"Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali;

"Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Pengurusan Masjid" ertinya Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Pengurusan Masjid yang ditubuhkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 104;

"Jawatankuasa Fatwa" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 46;

"Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah peraturan 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia;

"kariah masjid", berhubung dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan yang di dalamnya masjid itu terletak;

"Ketua Hakim Syarie" ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah subseksyen 56(1);

"Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama" dan "Pegawai Penguatkuasa Agama" ertinya pegawai yang dilantik sebagai yang sedemikian di bawah seksyen 79;

"Ketua Pendakwa Syarie" ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 78(1);

"Mahkamah Syariah" atau "Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(1) atau 55(2);

"Mahkamah Rayuan Syariah" ertinya Mahkamah Rayuan Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(3);

"Mahkamah Sivil" ertinya mana-mana mahkamah yang ditubuhkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan;

"Majlis" ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1);

"Majlis terdahulu" ertinya Majlis Agama Islam Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu;

"masjid" ertinya suatu bangunan—

*(a)* yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan

*(b)* yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98,

dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu;

"muallaf" ertinya seseorang yang baru memeluk agama Islam di bawah seksyen 107;

"Mufti" ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Negeri Selangor di bawah seksyen 44 dan termasuklah Timbalan Mufti;

"nazr" ertinya suatu ikrar yang dilafazkan untuk melakukan sesuatu perbuatan bagi apa-apa maksud yang dibenarkan oleh Hukum Syarak;

"nazr am" ertinya sesuatu nazr yang dimaksudkan keseluruhannya atau sebahagiannya bagi faedah masyarakat Islam pada amnya atau mana-mana bahagian masyarakat Islam, dan tidak bagi orang atau orang-orang perseorangan;

"Negeri" termasuklah Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya;

"orang Islam" ertinya—

*(a)* seseorang yang menganut agama Islam;

*(b)* seseorang yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya, pada masa kelahiran orang itu, ialah orang Islam;

*(c)* seseorang yang dibesarkan atas asas bahawa dia orang Islam;

*(d)* seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam;

*(e)* seseorang yang telah memeluk agama Islam mengikut seksyen 108; atau

*(f)* seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan dalam hal keadaan apabila dia terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, bahawa dia ialah orang Islam, sama ada pernyataan itu secara lisan atau bertulis;

"Pegawai Masjid" ertinya Nazir, Imam, Bilal dan Siak atau apa-apa nama, stail atau gelaran tertentu sebagaimana yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Majlis berhubung dengan pengurusan sesuatu masjid;

"Peguam Syarie" ertinya seseorang yang diterima sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 80;

"Pendakwa Syarie" ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 78(3);

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Majlis yang dilantik di bawah subseksyen 11(1);

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Majlis yang tersebut dalam seksyen 16;

"wakaf" ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*];

"wakaf am" ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat umum menurut Hukum Syarak;

"wakaf khas" ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat khusus menurut Hukum Syarak.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah mempunyai masing-masing erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

**Kecualian prerogatif**

**3.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Selangor sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959.

BAHAGIAN II

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

**Penubuhan Majlis**

**4.** (1) Maka hendaklah ada suatu badan bernama "Majlis Agama Islam Selangor" untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

(2) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, Majlis Agama Islam Selangor yang wujud sebelum permulaan kuat kuasa itu menurut kuasa Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan sebagai Majlis yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Tiap-tiap hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang sebelum Bahagian ini mula berkuat kuasa adalah terletak hak atau dipertanggungkan pada Majlis terdahulu hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa terletak hak dan dipertanggungkan pada Majlis, setakat yang hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan itu tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(4) Tiap-tiap jenis harta, alih dan tak alih, yang sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa, adalah terletak hak pada Majlis terdahulu hendaklah, apabila Bahagian ini mula berkuat kuasa, terletak hak pada Majlis tanpa dipindahkan, diserahhakkan atau dipindahmilikkan.

**Identiti di sisi undang-undang dan fungsi Majlis**

**5.** (1) Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa kesemasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Majlis.

(2) Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya.

(3) Majlis boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang, dan menikmati segala jenis harta alih dan tak alih dan, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh harta itu, boleh memindahakkan, menyerahhakkan, menyerahkan dan memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan tentang mana-mana harta alih atau tak alih yang terletak hak pada Majlis atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis menurut Hukum Syarak.

(4) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.

(5) Majlis hendaklah mempunyai apa-apa kuasa selanjutnya dan menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Enakmen ini atau mana-mana Enakmen lain.

**Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan**

**6.** Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

**Kewajipan Majlis tentang kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam**

**7.** (1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1)—

*(a)* untuk menjalankan segala aktiviti, yang tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh agama Islam, khususnya memajukan perusahaan komersial dan perindustrian, yang penjalanannya ternyata kepada Majlis adalah perlu, berfaedah atau menyenangkan bagi atau berkaitan dengan penunaian kewajipan yang sedemikian, termasuklah membuat, memasang, memproses, membungkus, menggred dan memasarkan keluaran-keluaran;

*(b)* untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembang, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;

*(c)* untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Negeri, atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Negeri;

*(d)* untuk melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*], dan melupuskan pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis;

*(e)* untuk menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman daripada Baitulmal kepada individu beragama Islam bagi pendidikan tinggi;

*(f)* untuk menubuhkan dan menyenggarakan sekolah-sekolah Islam dan institusi-institusi latihan dan penyelidikan Islam;

*(g)* untuk menubuhkan, mengurus dan mengawal rumah-rumah kebajikan untuk anak yatim; dan

*(h)* untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh Majlis dikehendaki atau suaimanfaat.

**Kuasa untuk menubuhkan perbadanan**

**8.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* menubuhkan perbadanan dengan apa-apa nama yang pada pendapat Majlis adalah sesuai untuk menjalankan dan dipertanggungjawabkan dengan, bertindak dan menguruskan apa-apa projek, skim atau pengusahaan yang telah dirancangkan atau dijalankan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah seksyen 7.

(2) Apabila Majlis menubuhkan suatu perbadanan di bawah subseksyen (1), Majlis hendaklah, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui perintah yang sama atau perintah yang lain membuat peruntukan berhubung dengan perbadanan itu yang menetapkan—

*(a)* kewajipan, kuasa dan hak perbadanan itu;

*(b)* sistem pengurusan perbadanan itu; dan

*(c)* hubungan di antara perbadanan dengan majlis dan hak majlis untuk mengawal perbadanan itu.

(3) Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi sesuatu perbadanan yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).

**Kuasa untuk menubuhkan syarikat**

**9.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah seksyen 7.

(2) Tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan atau berupa sebagai ditubuhkan oleh Majlis di bawah Akta Syarikat 1965 sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah ditubuhkan dengan sah dan hendaklah wujud seolah-olah ia telah ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa pembiayaan atau bantuan kewangan yang diberikan oleh Majlis kepada sesuatu syarikat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disifatkan telah diberikan dengan sah di bawah subseksyen 7(2).

**Kuasa untuk meminjam**

**10.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, meminjam apa-apa jumlah wang yang mungkin diperlukannya untuk menunaikan mana-mana fungsinya di bawah Enakmen ini.

(2) Jumlah-jumlah wang yang dipinjam menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam Baitulmal.

**Keanggotaan Majlis**

**11.** (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

*(a)* seorang Pengerusi;

*(b)* seorang Timbalan Pengerusi;

*(c)* lima orang anggota atas nama jawatan yang hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu memegang jawatan yang berikut:

(i) Setiausaha Kerajaan Negeri;

(ii) Penasihat Undang-Undang Negeri;

(iii) Pegawai Kewangan Negeri;

(iv) Mufti;

(v) Ketua Polis Negeri; dan

*(d)* tidak lebih daripada lapan anggota lain, sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam Hukum Syarak.

(2) Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota-anggota lain yang dilantik di bawah perenggan (1)*(d)* hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Menteri Besar bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang ditentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(3) Seseorang anggota yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula.

(4) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam subperenggan (1)*(c)* (i), (ii), (iii) atau (v) bukan orang Islam, Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang pegawai lain yang beragama Islam yang paling kanan selepasnya dari Jabatan atau Bahagian yang sama dengan orang itu untuk menjadi anggota bagi menggantikan orang itu.

(5) Tiap-tiap orang yang, sebaik sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota yang dilantik bagi Majlis terdahulu hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, masing-masing terus menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota Majlis sehingga tempoh pelantikannya tamat.

**Tamat pelantikan**

**12.** Pelantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik hendaklah tamat—

*(a)* apabila dia mati;

*(b)* jika dia dengan surat yang dialamatkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui Pengerusi, meletakkan jawatannya; atau

*(c)* jika dia tidak ada di Malaysia, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi, selama tempoh melebihi enam bulan.

**Pembatalan pelantikan**

**13.** Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Menteri Besar, boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis jika—

*(a)* kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugas-tugasnya sebagai anggota atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Majlis;

*(b)* dia telah menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna sebagai anggota;

*(c)* tanpa apa-apa alasan yang mencukupi pada pendapat Pengerusi, dia telah tidak menghadiri tiga mesyuarat Majlis secara berturut-turut;

*(d)* dia telah bertindak bertentangan dengan kepentingan Majlis; atau

*(e)* dia diisytiharkan bankrap.

**Penyiaran pelantikan dan pembatalan dalam *Warta***

**14.** Semua pelantikan dan pembatalan pelantikan di bawah seksyen 11, 12 dan 13 hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Kawalan oleh Pengerusi**

**15.** Pengerusi hendaklah menjalankan kawalan ke atas segala pertimbangtelitian dan prosiding Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi penjalanannya yang sepatutnya dan teratur.

**Setiausaha**

**16.** (1) Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

(2) Setiausaha hendaklah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pentadbir Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis.

(3) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah bertanggungjawab ke atas semua surat-menyurat dan dokumen Majlis, dan hendaklah dalam apa-apa hal lain menjalankan tugas-tugas yang dikenakan ke atasnya oleh Enakmen ini atau yang diberikan kepadanya oleh Pengerusi.

(4) Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.

**Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Majlis**

**17.** (1) Jika seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 11(1)*(c)* atau subseksyen 11(4) tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Majlis, anggota itu boleh diwakili oleh mana-mana pegawai beragama Islam di Jabatan atau Bahagian yang sama dengannya pada mesyuarat itu.

(2) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat Majlis, jika urusan di hadapan mesyuarat itu menyebabkan kehadiran orang itu dikehendaki.

(3) Seseorang yang dijemput menghadiri mesyuarat di bawah subseksyen (1) atau (2) berhak mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Majlis, tetapi tidak berhak mengundi.

**Mempengerusikan mesyuarat**

**18.** (1) Pengerusi, atau dalam masa ketakhadirannya Timbalan Pengerusi, hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

**Kuorum**

**19.** Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat adalah sah melainkan, jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

**Penjalanan urusan**

**20.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Enakmen ini, semua urusan Majlis hendaklah dijalankan dalam mesyuarat Majlis yang diadakan dengan sempurna dan hendaklah dibereskan melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi.

(2) Ketetapan bertulis yang ditandatangani oleh semua anggota Majlis hendaklah, melainkan jika dalam mana-mana hal atau golongan hal tertentu diarahkan selainnya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, mempunyai kesan yang sama seperti ketetapan yang diluluskan sewajarnya di bawah subseksyen (1).

**Memanggil mesyuarat**

**21.** (1) Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya.

(2) Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.

(3) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.

(4) Mana-mana empat orang anggota Majlis boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki Setiausaha memanggil mesyuarat Majlis dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha maksud yang baginya mereka menghendaki mesyuarat itu dipanggil.

(5) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan arahan di bawah subseksyen (3) atau kehendak di bawah subseksyen (4).

(6) Notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

(7) Notis mesyuarat boleh dihantar dengan pos, faksimili atau E-mel.

(8) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan pos hendaklah dialamatkan ke tempat tinggalnya yang terakhir diketahui dan hendaklah disifatkan telah disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.

(9) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan faksimili hendaklah dihantar kepada nombor faksimili yang diberikan oleh anggota itu secara bertulis kepada Setiausaha dan hendaklah disifatkan telah diterima oleh anggota itu apabila kod panggilan balik diterima oleh Setiausaha.

(10) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan E-mel hendaklah dihantar ke alamat E-mel anggota itu yang diberikan kepada Setiausaha secara bertulis dan hendaklah disifatkan telah diterima apabila pentadbir mel yang berkenaan memaklumkan bahawa mel itu sudah berjaya dihantar atau jika tidak ada makluman daripada pentadbir mel bahawa mel itu tidak berjaya dihantar.

(11) Tiada notis mesyuarat diperlukan dalam hal anggota yang sedang berada di luar Malaysia.

**Minit**

**22.** (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala mesyuarat Majlis.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang diperlukan.

(3) Minit itu hendaklah dicatatkan dalam buku minit Majlis dan hendaklah mengandungi rekod kata demi kata penuh bagi tiap-tiap ketetapan yang dibuat oleh Majlis.

(4) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas tiap-tiap mesyuarat Majlis, satu salinan draf minit itu hendaklah dihantar kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan jika semasa draf minit itu disahkan minit dipinda, Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah dengan segera dimaklumkan tentang pindaan yang dibuat.

(5) Tiada keputusan yang dibuat dalam mana-mana mesyuarat Majlis boleh diambil tindakan sehingga minit mesyuarat itu disahkan atau, jika tindakan perlu diambil sebelum minit itu disahkan, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menandakan perkenannya secara bertulis.

**Aturan urusan mesyuarat**

**23.** (1) Pengerusi hendaklah menentukan aturan urusan mesyuarat.

(2) Pengerusi boleh memutuskan aturan anggota-anggota Majlis untuk berucap dalam mesyuarat dan boleh pada bila-bila masa

(3) Jika di atas apa-apa ketetapan terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Segala keputusan mesyuarat Majlis hendaklah diambil secara syura.

**Salinan diperakui bagi ketetapan**

**24.** Satu salinan apa-apa ketetapan Majlis yang diperakui oleh Setiausaha sebagai salinan benar ketetapan itu adalah keterangan yang mencukupi mengenainya, dan semua mahkamah hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman kepada ketetapan itu tanpa bukti tandatangan Setiausaha.

**Permohonan cuti oleh Pengerusi dan anggota lain**

**25.** (1) Jika Pengerusi menjangka dia akan tidak berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh hari, dia hendaklah memohon cuti daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Jika mana-mana anggota Majlis menjangka dia tidak akan berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh hari, dia hendaklah memohon cuti daripada Pengerusi.

**Tindakan dalam hal yang perlu disegerakan**

**26.** (1) Dalam apa-apa hal yang perlu disegerakan, Pengerusi boleh, melakukan atau mengarahkan supaya dilakukan bagi pihak Majlis apa-apa tindakan atau perkara yang boleh dilakukan dengan sah melalui ketetapan Majlis.

(2) Jika apa-apa tindakan atau perkara dilakukan menurut subseksyen (1), suatu mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dalam masa tujuh hari selepas itu bagi maksud meratifikasikan dan mengesahkan tindakan atau perkara yang dilakukan itu; dan jika Majlis enggan meratifikasikan dan mengesahkan tindakan atau

perkara yang dilakukan itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memberikan apa-apa arahan berkenaan dengannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Jawatankuasa**

**27.** Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya.

**Perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis**

**28.** (1) Majlis boleh, melalui ketetapan, dan tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis, mewakilkan kepada Pengerusi atau Setiausaha atau kepada mana-mana jawatankuasa Majlis penunaian mana-mana kewajipannya atau penjalanan mana-mana kuasanya.

(2) Pelaksanaan kewajipan-kewajipan dan penjalanan kuasa-kuasa menurut pewakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

(3) Pengerusi, Setiausaha, atau jawatankuasa yang kepadanya pewakilan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya menurut pewakilan itu.

**Pelantikan pegawai dan pekhidmat Majlis**

**29.** (1) Majlis boleh melantik atau mengambil kerja apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat yang perlu untuk membantunya menjalankan fungsi-fungsinya.

(2) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmatnya.

**Tatatertib**

**30.** Majlis hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan pekhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang sedemikian.

**Jawatankuasa tatatertib**

**31.** (1) Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori yang berlainan pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmatnya.

(2) Yang berikut hendaklah terpakai bagi sesuatu jawatankuasa tatatertib:

*(a)* sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Majlis, selain Pengerusi, atau pegawai Majlis atau apa-apa kombinasi anggota dan pegawai itu; dan

*(b)* seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada seseorang pegawai yang ke atasnya jawatankuasa tatatertib yang dianggotainya mempunyai kuasa tatatertib.

(3) Sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan tatatertib pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(4) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen 32.

**Peraturan-peraturan tatatertib**

**32.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi tatatertib pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmatnya.

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

*(a)* boleh mewujudkan kesalahan tatatertib;

*(b)* boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Majlis dan hukuman itu boleh meliputi—

(i) amaran;

(ii) denda;

(iii) pelucuthakan emolumen;

(iv) penangguhan pergerakan gaji;

(v) pengurangan gaji;

(vi) penurunan pangkat; dan

(vii) buang kerja;

*(c)* hendaklah memberikan peluang kepada pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:

(i) jika seseorang pegawai atau pekhidmat dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan salah laku yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;

(ii) jika Majlis, atas syor Menteri yang dipertanggungkan dengan hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau

(iii) jika telah—

(A) dibuat terhadap seseorang pegawai atau pekhidmat apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran; atau

(B) dikenakan terhadap seseorang pegawai atau pekhidmat apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya,

di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau pelindungan wanita dan gadis atau kanak-kanak;

*(d)* boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen seseorang pegawai atau pekhidmat semasa menanti selesainya prosiding jenayah atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat; dan

*(e)* boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau pekhidmat—

(i) jika pegawai atau pekhidmat itu telah disabitkan oleh suatu mahkamah jenayah; atau

(ii) jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dikenakan ke atas pegawai atau pekhidmat itu; dan

*(f)* boleh mengadakan peruntukan bagi tatacara pendengaran rayuan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 33.

**Lembaga Rayuan Tatatertib**

**33.** (1) Sesuatu keputusan jawatankuasa tatatertib boleh dirayukan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* Pengerusi Majlis, yang hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dan mempunyai undi pemutus; dan

*(b)* dua orang ahli Majlis yang lain, yang bukan anggota jawatankuasa tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dengan kelulusan Majlis bagi maksud rayuan itu.

(2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan, anggota jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.

(3) Lembaga Rayuan Tatatertib boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.

**Pengenaan surcaj**

**34.** (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Majlis boleh disurcaj jika ternyata kepada Majlis bahawa orang itu—

*(a)* tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Majlis yang pemungutan wang itu menjadi tanggungjawabnya;

*(b)* adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Majlis yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;

*(c)* adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Majlis;

*(d)* tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Majlis kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Majlis; atau

*(e)* sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak atau telah tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya.

(2) Dalam seksyen ini, “pegawai perakaunan” termasuklah seseorang pegawai yang dipertanggungkan dengan—

*(a)* kewajipan untuk memungut, menerima atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Majlis;

*(b)* kewajipan untuk membuat pembayaran, atau yang sebenarnya membuat pembayaran, apa-apa wang Majlis; atau

*(c)* kewajipan untuk menerima, menyimpan, melupuskan atau mengakaunkan, apa-apa barang simpanan dan harta Majlis, atau yang sebenarnya menerima, memegang, melupuskan atau mengakaunkan barang simpanan dan harta itu.

**Notis tunjuk sebab sebelum disurcaj**

**35.** Majlis hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.

**Amaun surcaj**

**36.** Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh notis disampaikan kepada seseorang di bawah seksyen 35, Majlis boleh—

*(a)* dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 34(1)*(a)*, *(b)* dan *(c)*, mensurcaj terhadap orang itu wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau nilai yang terkurang dalam harta itu atau nilai harta yang termusnah itu; dan

*(b)* dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 34(1)*(d)* dan *(e)*, mensurcaj terhadap orang itu apa-apa jumlah wang yang difikirkan patut oleh Majlis.

**Pemberitahuan surcaj**

**37.** Majlis hendaklah memberitahu orang yang disurcaj berkenaan dengan apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 35.

**Penarikan balik surcaj**

**38.** Walau apa pun seksyen 36 dan 37, Majlis boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dikenakan, dan Majlis hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu tentang penarikan balik itu.

**Mendapatkan surcaj**

**39.** Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 36 dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 38 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Majlis daripada orang yang disurcaj dan boleh didakwa dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Majlis dan boleh juga, jika diarahkan oleh Majlis, didapatkan melalui potongan—

*(a)* gaji orang yang disurcaj; atau

*(b)* pencen orang disurcaj;

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

**Majlis boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.**

**40.** Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menerima pakai dengan membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

**Kerahsiaan**

**41.** Prosiding Majlis hendaklah dirahsiakan dan tiada seorang pun anggota atau pekhidmatnya boleh mendedahkan atau membukakan kepada mana-mana orang selain Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mana-mana anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal agama Islam atau mana-mana anggota Majlis apa-apa perkara yang telah berbangkit dalam mana-mana mesyuarat melainkan jika dia dibenarkan dengan nyata oleh Majlis.

**Pekhidmat awam**

**42.** Tiap-tiap anggota, pegawai dan pekhidmat Majlis hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri**

**43.** Tertakluk kepada peruntukan lain Enakmen ini, Majlis boleh menentukan semua persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya sendiri.

BAHAGIAN III

PELANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATANKUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL

**Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti**

**44.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor.

(2) Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, orang yang menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor dan hendaklah terus memegang jawatan itu.

**Fungsi Mufti**

**45.** Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

**Jawatankuasa Fatwa**

**46.** (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—

*(a)* Mufti, sebagai Pengerusi;

*(b)* Timbalan Mufti;

*(c)* Penasihat Undang-Undang Negeri;

*(d)* dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;

*(e)* seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis;

*(f)* tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan

*(g)* seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha.

(3) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, menjadi anggota Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (4), disifatkan telah dinamakan atau dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa dan hendaklah menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa sehingga tempoh pelantikannya di bawah Enakmen yang terdahulu itu tamat.

(4) Jawatankuasa Fatwa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya.

**Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa**

**47.** Tertakluk kepada seksyen 51, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak.

**Tatacara pembuatan fatwa**

**48.** (1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.

(2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

(3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.

(4) Majlis boleh, selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta*.

(5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.

(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam *Warta*.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

(8) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan jawi boleh juga disiarkan.

(9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (6).

**Fatwa yang disiarkan dalam *Warta* adalah mengikat**

**49.** (1) Apabila disiarkan dalam *Warta*, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri Selangor tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

**Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan fatwa**

**50.** (1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Enakmen ini, atau di bawah Enakmen terdahulu.

(2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disifatkan sebagai suatu fatwa dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1).

**Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional**

**51.** (1) Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 47, apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menangguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.

(2) Selepas menimbang teliti perkara itu Majlis boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapat perkenannya supaya fatwa yang dicadangkan itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, melalui Majlis Raja-Raja.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi-agensinya.

(4) Jika Duli Yang Maha Mulia Sultan memberikan perkenannya di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah, sebelum fatwa itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.

(5) Apabila sesuatu fatwa yang dicadangkan telah dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan nasihat dan syornya kepada Majlis Raja-Raja mengikut subseksyen (2) tentang perkara itu.

(6) Jika Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan atau mengesyorkan supaya fatwa yang dicadangkan itu dibuat, dengan atau tanpa ubahsuaian yang disyorkan olehnya, atau menasihatkan atau mengesyorkan suatu fatwa lain tentang perkara yang sama dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Majlis hendaklah menimbang nasihat dan syor itu dan selepas itu bolehlah menyebabkan supaya fatwa mengikut nasihat dan syor itu disiarkan dalam *Warta* tanpa apa-apa pindaan atau ubahsuaian dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

**Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**

**52.** (1) Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Fasal 2(b) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Nasihat atau syor yang diterima pakai menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai fatwa dan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

**Meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa**

**53.** Jika dalam mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan itu.

**Qaul muktamad yang hendaklah diikuti**

**54.** (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH SYARIAH

**Penubuhan Mahkamah Syariah**

**55.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah bagi Negeri Selangor di tempat-tempat yang difikirkannya patut.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri Selangor.

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Selangor.

(4) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, boleh menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang mesti dipatuhi oleh semua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

**Pelantikan Ketua Hakim Syarie**

**56.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang Ketua Hakim Syarie.

(2) Seseorang adalah layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika dia—

*(a)* seorang warganegara; dan

*(b)* selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula.

(3) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, memegang jawatan Ketua Hakim Syarie di bawah Enakmen terdahulu dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah**

**57.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis dan Ketua Hakim Syarie, boleh melantik tujuh orang Islam untuk membentuk suatu panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(3) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah**

**58.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, selepas berunding dengan, atas nasihat Majlis, dan Ketua Hakim Syarie, boleh melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Seseorang adalah layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

*(a)* dia seorang warganegara; dan

*(b)* dia—

(i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau

(ii) selama tidak kurang dari sepuluh tahun sebelum pelantikannya telah menjadi Peguam Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa sebelum itu di mana-mana Negeri.

(3) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Enakmen terdahulu dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah**

**59.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, boleh melantik, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Negeri atau perkhidmatan bersama, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Pendaftar-Pendaftar**

**60.** Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, boleh melantik, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Negeri atau perkhidmatan bersama seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

**Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah**

**61.** (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Selangor dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

*(a)* dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 [En. No. 9/1995] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

*(b)* dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;

(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);

(iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahtarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;

(iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;

(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut;

(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilaian wang, oleh seorang orang Islam;

(vii) wakaf atau nazr;

(viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;

(ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan

(xii) pentadbiran masjid-masjid; dan

(xiii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

**Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah**

**62.** (1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Selangor dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

*(a)* dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

*(b)* dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* memperluaskan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

**Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah**

**63.** (1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah—

*(a)* dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh pihak pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya;

*(b)* dalam bidang kuasa malnya—

(i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika amaun yang dituntut itu tidak kurang daripada satu ribu ringgit;

(ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu;

(iii) dalam semua kes yang berhubungan dengan nafkah orang-orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, dengan syarat tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan

*(c)* dalam apa-apa kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberikan kebenaran untuk merayu.

(2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh—

*(a)* dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda hukuman, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda, atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan; dan

*(b)* dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

**Permohonan untuk mendapatkan kebenaran merayu**

**64.** (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah perenggan 63(1)*(c)* hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah dapat mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah, atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah tamat.

**Perakuan pewarisan**

**65.** Jika dalam penjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam, mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah, mempunyai kewajipan untuk menentukan—

*(a)* orang-orang yang berhak mendapat bahagian dalam harta pusaka itu; atau

*(b)* bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak,

Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian itu.

**Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah**

**66.** (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika tampak perlu oleh Mahkamah Tinggi Syariah itu demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod sesuatu perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

**Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah**

**67.** (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Rayuan Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk diputuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam penjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, dan yang difikirkannya adil bagi pemberesan rayuan itu.

**Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah**

**68.** (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika didapati perlu olehnya demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Rayuan Syariah memanggil rekod tentang apa-apa perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Tinggi Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Rayuan Syariah.

**Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah**

**69.** (1) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan dibereskan oleh seorang pengerusi dan dua orang lain yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan anggota panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah seksyen 57.

(2) Walau apa pun seksyen 55, Ketua Hakim Syarie boleh melantik mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi seorang anggota Mahkamah Rayuan Syariah bagi mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

(3) Ketua Hakim Syarie hendaklah menjadi pengerusi tiap-tiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah, melainkan—

*(a)* jika rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah itu ialah terhadap keputusan Ketua Hakim Syarie yang telah bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; atau

*(b)* jika Ketua Hakim Syarie tidak dapat menjadi pengerusi kerana apa-apa sebab lain,

Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik Hakim yang paling kanan antara Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi pengerusi.

**Keputusan ikut majoriti**

**70.** Rayuan hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Mahkamah Rayuan Syariah.

**Penerusan prosiding Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada**

**71.** (1) Jika, dalam penjalanan apa-apa prosiding dalam sesuatu rayuan atau pada bila-bila masa sebelum diumumkan penghakiman, mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu maka, jika kedua-dua pihak bersetuju, pendengaran itu hendaklah diteruskan dan penghakiman atau penghakiman yang ditangguhkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh dua orang Hakim Mahkamah yang ada itu, dan bagi maksud-maksud rayuan itu, Mahkamah hendaklah disifatkan telah dianggotai dengan sempurna.

(2) Dalam mana-mana kes seperti yang tersebut dalam subseksyen (1), jika tiada keputusan sebulat suara oleh kedua-dua hakim yang ada, rayuan itu hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah subseksyen (1) kedua-dua pihak tidak memberikan persetujuan mereka, atau lebih daripada seorang Hakim tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsi mereka sebagai Hakim Mahkamah itu, rayuan itu hendaklah didengar semula.

**Mahkamah terbuka**

**72.** (1) Semua perbicaraan dalam Mahkamah Syariah hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain dan subseksyen (2), terbuka kepada orang ramai.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah boleh memerintahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu perbicaraan diadakan dalam Mahkamah tertutup jika Mahkamah itu berpuas hati bahawa perbicaraan dalam Mahkamah tertutup adalah perlu atau suaimanfaat demi kepentingan keadilan atau kesopanan.

**Bahasa**

**73.** Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa bagi semua prosiding Mahkamah Syariah dan semua dokumen serta nota prosiding boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi.

**Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam**

**74.** (1) Tiada keputusan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah boleh melibatkan mana-mana hak atau harta seseorang bukan Islam.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, maka dengan ini ditegaskan bahawa seseorang Islam hendaklah untuk setiap masa diiktiraf dan diperlakukan sebagai seseorang Islam melainkan jika suatu perisytiharan telah dibuat oleh Mahkamah Syariah bahawa ia tidak lagi beragama Islam.

**Tindakan bersaling**

**75.** (1) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana Negeri di Malaysia mengeluarkan waran atau saman, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri itu untuk dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada seseorang yang berada atau dipercayai berada dalam Negeri Selangor, maka mana-mana Hakim Syarie boleh mengesahkan waran atau saman itu dengan menandatanganinya dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Selangor menurut peruntukan Enakmen ini.

(2) Jika Mahkamah Syariah dalam Negeri Selangor mengeluarkan waran yang memberikan kuasa untuk menangkap mana-mana orang, atau saman yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam mana-mana Negeri lain di Malaysia dan waran atau saman itu telah dilaksanakan atau disampaikan kepada orang itu menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri itu, maka waran atau saman itu hendaklah bagi maksud Enakmen ini disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sah seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan dalam Negeri Selangor.

(3) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana Negeri di Malaysia membuat satu perintah atau penghakiman di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri Selangor, maka Hakim Syarie, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sempurna oleh suatu Mahkamah yang kompeten dalam mana-mana Negeri di Malaysia, boleh mengendorskan perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah kemudiannya dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Selangor menurut peruntukan Enakmen ini.

**Pelindungan Hakim, Pegawai Mahkamah, dll.**

**76.** (1) Tiada seorang pun Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau Hakim Syarie boleh didakwa di mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan atau diperintahkan olehnya supaya dilakukan dalam menjalankan tugas kehakimannya, sama ada dalam had bidang kuasanya atau tidak, dan tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa dia pada masa itu dengan suci hati percaya bahawa dia mempunyai bidang kuasa untuk melakukan atau memerintahkan perbuatan itu.

(2) Tiada pegawai mana-mana Mahkamah atau mana-mana orang lain yang terikat untuk melaksanakan waran atau perintah yang sah di sisi undang-undang yang dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau Hakim Syarie boleh didakwa dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil melaksanakan waran atau perintah itu.

**Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah**

**77.** (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah bagi membuat kaedah-kaedah tentang tatacara Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah terdiri daripada—

*(a)* Ketua Hakim Syarie, sebagai pengerusi;

*(b)* Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya; dan

*(c)* orang-orang yang berikut yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie:

(i) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;

(ii) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;

(iii) seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah;

(iv) seorang Peguam Syarie; dan

(v) seorang pegawai undang-undang yang berkhidmat dengan Biro Bantuan Guaman yang ditubuhkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*].

(3) Pendaftar hendaklah menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan jawatankuasa itu.

(4) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(5) Semua kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN V

PENDAKWAAN DAN PERWAKILAN

**Ketua Pendakwa dan Pendakwa Syarie**

**78.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie.

(2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah.

(3) Majlis boleh melantik orang-orang yang layak dan sesuai daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan bersama menjadi Pendakwa-Pendakwa Syarie.

(4) Pendakwa-Pendakwa Syarie hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang diberikan kepada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie, kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

**Pegawai Penguatkuasa Agama**

**79.** Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan bersama seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam.

**Peguam Syarie**

**80.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), Majlis boleh menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Syariah.

(2) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan untuk—

*(a)* mengadakan peruntukan bagi tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan Peguam Syarie; dan

*(b)* mengawalselia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syarie.

(3) Walau apa pun subseksyen (1)—

*(a)* mana-mana anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau

*(b)* mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971,

boleh bertindak sebagai Peguam Syarie bagi mewakili mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah Syariah jika pihak itu boleh diwakili olehnya dalam Mahkamah Sivil menurut kuasa-kuasa di bawah Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*] dan Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] atau mana-mana undang-undang bertulis tanpa anggota atau orang itu perlu diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di bawah Akta itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), mana-mana orang yang telah diterima menjadi seorang Peguam Syarie di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di mana-mana Negeri lain di Malaysia hendaklah diterima sebagai Peguam Syarie bagi Negeri Selangor apabila permohonan dibuat olehnya kepada Majlis dengan menyertakan keterangan yang menunjukkan bahawa dia telah diterima sebagai Peguam Syarie di Negeri lain itu.

(5) Seseorang yang sebelum saja seksyen ini mula berkuat kuasa telah diterima menjadi seorang Peguam Syarie di bawah Enakmen terdahulu hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, disifatkan telah diterima menjadi seorang Peguam Syarie dan hendaklah berhak hadir di mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Syariah itu.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, tiada seorang pun, selain Peguam Syarie atau orang yang disebut dalam subseksyen (3), berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapannya.

## BAHAGIAN VI

## KEWANGAN

*Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis*

### Penubuhan Baitulmal

**81.** (1) Suatu kumpulan wang bernama Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan.

(2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.

(3) Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(4) Walau apa pun peraturan yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, Majlis, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan-peraturan tentang pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Baitulmal.

**Anggaran pendapatan dan belanjawan**

**82.** (1) Majlis hendaklah, menyediakan dan menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, tidak lewat daripada 31 haribulan Oktober dalam setiap tahun, anggaran kesemua pendapatan dan perbelanjaan Majlis, termasuk anggaran segala harta dan segala barang boleh lupus, berkenaan dengan tahun yang berikutnya.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan, selepas berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, boleh meluluskan anggaran itu atau boleh mengarahkan supaya ia dipinda.

(3) Anggaran yang diluluskan, dengan atau tanpa pindaan di bawah subseksyen (2), hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Majlis boleh pada bila-bila masa menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan anggaran perbelanjaan tambahan berkenaan dengan tahun semasa, atau, pada bila-bila masa sebelum 31 haribulan Mac dalam mana-mana tahun, berkenaan dengan tahun yang sebelumnya, dan anggaran itu boleh diluluskan atau dipinda, dan hendaklah disiarkan, mengikut subseksyen (2) dan (3).

(5) Tiada wang boleh dibelanjakan, atau harta dilupuskan dalam bentuk barang, kecuali mengikut anggaran yang diperuntukkan dalam seksyen ini dan dengan berdasarkan baucer yang ditandatangani oleh Pengerusi atau mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi.

**Perbelanjaan Majlis**

**83.** Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis, termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta tak alih, gaji dan elaun semua pekhidmat Majlis, dan fi dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau anggota Majlis berkenaan dengan perkhidmatannya sebagai pekhidmat, pegawai atau anggota Majlis, hendaklah dibayar daripada harta dan aset Baitulmal.

**Akaun bank**

**84.** (1) Majlis boleh mengendalikan apa-apa akaun atau akaun-akaun yang difikirkannya patut dengan mana-mana bank yang sesuai.

(2) Pembayaran-pembayaran oleh Majlis amaun-amaun yang melebihi lima ratus ringgit hendaklah dibuat dengan cek.

(3) Semua wang yang diterima oleh atau untuk Majlis hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun bank Majlis mengikut cara yang diperuntukkan dalam Tatacara Kewangan Majlis.

(4) Cek yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun bank Majlis hendaklah dikeluarkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Tatacara Kewangan Majlis.

**Akaun dan laporan tahunan**

**85.** Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen [*Akta*] ini.

*Zakat dan Fitrah*

**Kuasa Majlis memungut zakat dan fitrah**

**86.** Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Selangor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.

**Kuasa membuat peraturan-peraturan**

**87.** (1) Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

(2) Tanpa menjejaskan kuasa keseluruhan sebelum ini, Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk—

*(a)* menentukan dari semasa ke semasa nilai kadar zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh setiap orang Islam di dalam Negeri Selangor;

(b) mewujudkan tatacara pemungutan zakat dan fitrah;

(c) melantik amil-amil bagi menjalankan pemungutan zakat dan fitrah; dan

(d) mewujudkan kesalahan dan memperuntukkan hukuman bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pemungutan atau penyerahan hasil pungutan zakat dan fitrah.

**Rayuan**

**88.** (1) Mana-mana orang bolehlah membuat rayuan kepada Majlis terhadap mana-mana tuntutan bayaran zakat atau fitrah ke atasnya.

(2) Majlis hendaklah menimbang rayuan itu dan boleh memerintahkan bahawa orang itu hendaklah membayar amaun zakat atau fitrah yang dituntut ke atasnya, atau amaun yang kurang, sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis atau boleh memerintahkan bahawa orang itu tidak dikehendaki daripada membayar zakat atau fitrah di dalam sesuatu tahun.

(3) Keputusan Majlis terhadap rayuan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan lagi di dalam mana-mana Mahkamah.

*Wakaf, Nazr dan Amanah*

**Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah**

**89.** Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal—

(a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;

(b) semua nazr am; dan

(c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak,

bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr ‘am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Selangor.

**Peletakan harta wakaf, nazr dan amanah pada Majlis**

**90.** Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 89 hendaklah tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik, dan, dalam hal harta tak alih sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazr ‘am atau amanah yang menyentuh harta itu.

**Sekatan bagi pewujudan amanah khairat**

**91.** (1) Sama ada atau tidak dibuat secara wasiat atau alang semasa marad-al-maut, tiada wakaf atau nazr yang dibuat selepas seksyen ini mula berkuat kuasa dan melibatkan lebih daripada satu pertiga daripada harta orang yang membuatnya boleh menjadi sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu.

(2) Tiap-tiap wakaf khas atau nazr yang dibuat selepas seksyen ini mula berkuat kuasa adalah batal dan tak sah melainkan jika—

*(a)* Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, dengan nyata memperkenankan dan mengesahkan wakaf khas atau nazr itu; dan

*(b)* wakaf khas atau nazr itu telah dibuat semasa pembuatnya sakit tenat dan kemudian meninggal dunia akibat sakit itu dan telah dibuat secara bertulis melalui suratcara yang disempurnakan olehnya dan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah masjid yang sama dengan pembuat itu.

(3) Seksyen ini tidaklah berkuat kuasa untuk menjadikan sah apa-apa wasiat, alang semasa marad-al-maut atau nazr yang tak sah di bawah peruntukan-peruntukan Hukum Syarak.

(4) Apa-apa wakaf atau nazr yang sah menurut Enakmen terdahulu hendaklah terus sah bagi maksud Enakmen ini.

**Pendapatan daripada wakaf dan nazr**

**92.** (1) Pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.

(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

**Modal wakaf dan nazr**

**93.** (1) Tertakluk kepada subsekyen (2) dan (3), harta modal dan aset yang tersentuh oleh mana-mana wakaf atau nazr ‘am yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal, tetapi hendaklah digunakan menurut wakaf atau nazr ‘am itu dan dipegang sebagai dana yang berasingan.

(2) Jika, oleh sebab masa telah luput atau hal keadaan sudah berubah, tidak mungkin lagi dapat dijalankan dengan berfaedah peruntukan-peruntukan tepat mana-mana wakaf atau nazr ‘am, Majlis hendaklah menyediakan suatu skim bagi menggunakan harta dan aset yang tersentuh olehnya mengikut cara yang sehampir mungkin sama dengan dikehendaki oleh terma-terma wakaf atau nazr ‘am itu, dan hendaklah menggunakan harta dan aset itu dengan sewajarnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Majlis boleh, dengan kelulusan bertulis daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, mengarahkan supaya harta dan aset yang disebut dalam subseksyen (2) itu ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(4) Jika terma-terma mana-mana wakaf atau nazr ‘am tidak menyatakan cara penggunaan harta modal dan aset yang tersentuh olehnya, atau tidak pasti daripada terma-terma itu bagaimana harta modal atau aset itu patut digunakan, Majlis boleh mengarahkan supaya harta modal dan aset itu ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(5) Segala suratcara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan, atau yang menyentuh mana-mana wakaf atau nazr ‘am, beserta dengan mana-mana dokumen hakmilik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis.

**Pengertian suratcara tentang wakaf atau nazr**

**94.** Jika, pada pendapat Majlis makna atau natijah mana-mana suratcara atau akuan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf atau nazr adalah kabur atau tidak pasti, Majlis bolehlah merujukkan perkara itu kepada Mahkamah bagi mendapatkan pendapatnya tentang makna dan natijah suratcara atau akuan itu, dan hendaklah bertindak menurut apa-apa pendapat yang diberikan sedemikian oleh Mahkamah itu.

**Penyiaran senarai harta wakaf, nazr dan amanah**

**95.** Dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun, Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta* satu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana wakaf, nazr atau amanah dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

## BAHAGIAN VII

## MASJID

**Majlis menjadi pemegang amanah tunggal bagi masjid dan tanah yang berkaitan dengannya**

**96.** (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dalam Negeri Selangor.

(2) Tiap-tiap masjid, bersama dengan tapak masjid itu dan mana-mana tanah yang berhubung dengan dan digunakan bagi maksud-maksud masjid itu, selain tanah Kerajaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam, hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, dan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan, terletak hak pada Majlis bagi maksud-maksud Enakmen ini.

**Sekatan tentang penubuhan masjid dan penalti**

**97.** (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan, atau menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bangunan, bagi perkara-perkara yang hanya boleh dilakukan di atau oleh masjid.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Penubuhan masjid**

**98.** (1) Majlis boleh pada bila-bila masa—

*(a)* membenarkan sesuatu bangunan didirikan untuk digunakan sebagai masjid;

*(b)* membenarkan penggunaan mana-mana bangunan sebagai masjid; atau

*(c)* menetapkan mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain menjadi masjid.

(2) Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya atau membuat penetapan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

(3) Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menentukan atau meminda sempadan mana-mana kariah masjid.

**Penyenggaraan masjid dan kawasannya**

**99.** (1) Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid dalam Negeri Selangor berada dalam keadaan baik yang sepatutnya dan bahawa kawasan-kawasannya disenggarakan dalam keadaan bersih yang sepatutnya.

(2) Majlis boleh memperdapatkan dan menggunakan, atau membenarkan pemerdapatan dan penggunaan, wang khas bagi maksud pembaikan dan penyenggaraan masjid, atau boleh membayar kos pembaikan dan penyenggaraan itu daripada Baitulmal.

(3) Pegawai Masjid hendaklah dengan segera memberitahu Majlis tentang apa-apa keadaan yang memerlukan pembaikan dalam masjidnya, dan hendaklah memeriksa atau mengawasi mana-mana pembaikan itu sebagai ejen untuk dan bagi pihak Majlis.

(4) Tiada perubahan yang material struktur masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

(5) Majlis boleh mengarahkan sesuatu Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Pegawai Masjid, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya menyenggarakan masjid yang di bawah tanggungjawabnya dalam keadaan baik yang sepatutnya.

**Pelantikan Pegawai Masjid**

**100.** (1) Bagi tiap-tiap masjid dalam Negeri Selangor, Majlis hendaklah melantik seorang atau beberapa orang Pegawai Masjid.

(2) Bagi tiap-tiap masjid yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan selepas berunding dengan Majlis, Pegawai Masjid hendaklah dilantik dari kalangan pegawai dalam perkhidmatan awam negeri atau perkhidmatan bersama.

(3) Bagi tiap-tiap masjid yang tidak ditetapkan di bawah subseksyen (2) Majlis hendaklah melantik orang yang sesuai dan layak untuk menjadi Pegawai Masjid.

(4) Pembantu Pegawai Masjid hendaklah dilantik oleh Majlis dari semasa ke semasa untuk membantu Pegawai Masjid.

(5) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa telah menjadi Pegawai Masjid atau Pembantu Pegawai Masjid di bawah Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan telah dilantik dengan sewajarnya di bawah seksyen ini sebagai Pegawai Masjid atau Pembantu Pegawai Masjid, dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 102, terus memegang jawatan sebagai Pegawai Masjid atau Pembantu Pegawai Masjid.

**Tauliah Pegawai Masjid**

**101.** (1) Tiap-tiap orang yang dilantik oleh Majlis menjadi Pegawai Masjid, termasuk tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sedemikian di bawah subseksyen 100 (5), hendaklah diberi tauliah oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap Pegawai Masjid hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dan dalam tauliahnya.

**Tempoh jawatan Pegawai Masjid**

**102.** (1) Pelantikan seseorang Pegawai Masjid selain Pegawai Masjid bagi masjid yang ditetapkan di bawah subseksyen 100(2) atau disifatkan telah dilantik di bawah subseksyen 100(5) sebagai Pegawai Masjid, boleh ditamatkan dengan notis bertulis oleh Majlis.

(2) Tiada seorang pun Pegawai Masjid yang dilantik atau disifatkan dilantik di bawah subseksyen 100 (5) boleh terus memegang jawatan itu selepas mencapai umur enam puluh tahun:

Dengan syarat Majlis boleh, jika difikirkannya sesuai, melantik mana-mana orang menjadi Pegawai Masjid walaupun orang itu telah mencapai umur 60 tahun atau melanjutkan tempoh perkhidmatan Pegawai Masjid yang telah mencapai umur 60 tahun.

(3) Setiausaha hendaklah memaklumkan kepada Majlis apa-apa kelakuan mana-mana Pegawai Masjid, sama ada yang berhubungan dengan tugas-tugasnya yang mencemarkan namanya sebagai Pegawai Masjid atau selainnya, dan membuat apa-apa syor yang munasabah.

**Kawalan dan arahan atas Pegawai Masjid**

**103.** Dalam pelaksanaan tugas-tugas mereka, Pegawai Masjid hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

## Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid

**104.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan bagi—

*(a)* penubuhan Jawatankuasa Kariah bagi sesuatu kariah masjid;

*(b)* menetapkan cara bagaimana anggota Jawatankuasa Kariah itu hendak dilantik; dan

*(c)* menetapkan fungsi-fungsi Jawatankuasa Kariah itu; dan

*(d)* penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Masjid, pelantikannya dan penamatannya dan fungsi-fungsi Jawatankuasa Pengurusan Masjid.

(2) Jawatankuasa Kariah sesuatu kariah atau Jawatankuasa Pengurusan Masjid, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersama-sama dengan Pegawai Masjid, hendaklah—

*(a)* bertanggungjawab bagi pengelolaan sempurna dan keadaan baik masjid dan semua tanah perkuburan Islam dalam kariah masjid itu;

*(b)* bertanggungjawab bagi kelakuan anak kariah masjid itu dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam; dan

*(c)* memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah masjid itu yang memerlukan perhatian Majlis.

(3) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini, MAIS boleh, demi kelicinan dan manfaat pentadbiran sesuatu masjid atau atas alasan-alasan lain yang boleh ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini—

*(a)* menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Masjid bagi sesuatu kariah masjid; atau

*(b)* membatalkan penubuhan sesuatu jawatankuasa kariah bagi sesuatu kariah masjid dan sebagai gantinya menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Masjid dengan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai dan wajar.

**Pengecualian masjid**

**105.** Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana masjid daripada semua atau mana-mana peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN VIII

PUNGUTAN KHAIRAT

**Pungutan khairat**

**106.** (1) Majlis boleh memungut atau, dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh Majlis, membenarkan mana-mana orang atau kumpulan orang, dengan apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis, memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.

(2) Maka hendaklah disifatkan sebagai suatu terma bagi tiap-tiap kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (1) bahawa penerima kebenaran itu dan tiap-tiap orang lain yang dibenarkan melaluinya untuk memungut wang atau sumbangan lain hendaklah—

*(a)* mengeluarkan berkenaan dengan tiap-tiap jumlah wang dipungut sedemikian suatu resit mengikut nombor siri dalam bentuk yang ditetapkan;

*(b)* menyimpan akaun-akaun yang benar dan lengkap bagi semua jumlah wang dipungut sedemikian dan tentang pelupusannya, dengan semua baucer yang sepatutnya;

*(c)* apabila dituntut, mengemukakan potongan resit dan semua akaun dan baucer-baucer itu bagi pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis ;

*(d)* menggunakan dan melupuskan semua jumlah wang yang dipungut sedemikian mengikut terma-terma kebenaran itu atau jika tiada cara untuk melupuskan wang itu dibenarkan dengan nyata oleh surat kebenaran itu, membayar dan mengakaunkannya kepada Baitulmal.

(3) Wang yang dipungut menurut seksyen ini bolehlah digunakan bagi apa-apa maksud yang dinyatakan oleh Majlis, dan jika tiada maksud dinyatakan sedemikian, hendaklah menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(4) Tiada seorang pun boleh membuat atau mengambil bahagian dalam apa-apa pungutan wang bagi apa-apa maksud seperti yang disebut dalam subseksyen (1) kecuali dengan kebenaran nyata daripada Majlis atau menurut kuasa surat kebenaran di bawah subseksyen (1).

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN IX

## MEMELUK AGAMA ISLAM

**Kehendak-kehendak bagi pemelukan agama Islam**

**107.** (1) Kehendak-kehendak yang berikut hendaklah dipatuhi bagi pemelukan sah agama Islam oleh seseorang;

*(a)* orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara yang semunasabahnya jelas;

*(b)* pada masa dia mengucap dua kalimah Syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa kalimah itu bermakna "Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W. ialah Pesuruh Allah"; dan

*(c)* pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

(2) Seseorang yang tiada dapat bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (1)*(a)*, mengucapkan dua kalimah Syahadah dengan menggunakan isyarat yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(b)*.

**Saat memeluk agama Islam**

**108.** Seseorang itu memeluk agama Islam dan menjadi seorang orang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua kalimah Syahadah dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 107 adalah dipenuhi; dan orang itu selepas itu disebut muallaf.

**Tugas-tugas dan kewajipan muallaf**

**109.** Dari saat pemelukannya, seseorang muallaf menjadi tertakluk kepada tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang sama seperti mana-mana orang Islam.

**Pendaftar Muallaf**

**110.** Majlis hendaklah melantik seorang Pendaftar Muallaf untuk menyenggarakan suatu Daftar Muallaf dalam bentuk yang ditetapkan untuk pendaftaran muallaf.

**Pendaftaran muallaf**

**111.** (1) Seseorang yang telah memeluk agama Islam boleh memohon kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan untuk pendaftaran sebagai muallaf.

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak-kehendak seksyen 107 telah dipenuhi berkenaan dengan pemohon itu, Pendaftar boleh mendaftarkan pemelukan agama Islam oleh pemohon itu dengan mencatatkan dalam Daftar Muallaf nama pemohon itu dan butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki dalam Daftar Muallaf.

(3) Pendaftar hendaklah juga menentukan tarikh pemelukan agama Islam oleh pemohon itu dan mencatatkan tarikh itu dalam Daftar Muallaf.

(4) Untuk memuaskan hatinya tentang hakikat dan tarikh pemelukan agama Islam oleh pemohon, dan butir-butir lain yang hendak dicatatkan dalam Daftar Muallaf, Pendaftar boleh meminta apa-apa keterangan yang difikirkannya perlu; tetapi subseksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang Pendaftar daripada hanya bergantung pada kata-kata pemohon setakat yang berkenaan dengan hakikat dan tarikh pemelukan agama Islam itu.

(5) Jika Pendaftar tidak berpuas hati bahawa kehendak-kehendak seksyen 107 telah dipenuhi berkenaan dengan pemohon itu, dia boleh membenarkan pemohon itu mengucap, di hadapannya atau di hadapan mana-mana pegawainya, dua kalimah Syahadah mengikut kehendak-kehendak seksyen 107.

**Perakuan Memeluk Agama Islam**

**112.** (1) Pendaftar hendaklah memberi tiap-tiap orang yang pemelukan agama Islam olehnya telah didaftarkan suatu Perakuan Memeluk Agama Islam dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Perakuan Memeluk Agama Islam hendaklah menjadi bukti muktamad tentang fakta-fakta yang dinyatakan dalam Perakuan itu.

**Pengiktirafan muallaf sebagai orang Islam**

**113.** (1) Seseorang yang telah memeluk agama Islam dan pemelukan agama Islam itu telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah, bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan pada setiap masa diperlakukan sebagai orang Islam.

(2) Seseorang yang pemelukan agama Islam olehnya telah didaftarkan di bawah undang-undang mana-mana Negeri hendaklah, bagi semua maksud di Negeri Selangor, dan bagi maksud penguatkuasaan peruntukan mana-mana undang-undang di Negeri Selangor, diperlakukan sebagai orang Islam.

**Penentuan sama ada orang yang tidak didaftarkan ialah seorang muallaf**

**114.** Jika apa-apa persoalan timbul tentang sama ada seseorang itu adalah seorang muallaf, dan orang itu tidak didaftarkan dalam Daftar Muallaf atau di bawah mana-mana undang-undang mana-mana Negeri sebagai seorang muallaf, persoalan itu hendaklah diputuskan berdasarkan kepada merit kes itu mengikut seksyen 107.

**Kesalahan memberikan maklumat palsu**

**115.** Mana-mana orang yang, dalam sesuatu permohonan untuk pendaftaran di bawah seksyen 111, atau sebagai jawapan kepada apa-apa permintaan untuk mendapatkan maklumat atau keterangan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen itu, dengan sengaja memberi Pendaftar apa-apa maklumat atau keterangan yang palsu atau yang mengelirukan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**116.** Majlis boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

**Keupayaan untuk memeluk agama Islam**

**117.** Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang tidak beragama Islam boleh memeluk agama Islam jika dia sempurna akal dan—

*(a)* sudah mencapai umur lapan belas tahun; atau

*(b)* jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu dan bapa atau penjaganya mengizinkan pemelukan agama Islam olehnya.

## BAHAGIAN X

## PENDIDIKAN AGAMA ISLAM

**Jawatankuasa Tauliah**

**118.** (1) Majlis hendaklah melantik suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Tauliah, yang hendaklah terdiri daripada—

*(a)* Setiausaha Majlis, sebagai Pengerusi; dan

*(b)* tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai.

(2) Majlis hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa itu.

(3) Jawatankuasa Tauliah hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan *tauliah* bagi maksud pengajaran agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam dan untuk menarik balik *tauliah* itu.

(4) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan yang mengadakan peruntukan bagi—

*(a)* tatacara, kehendak-kehendak dan perkara-perkara lain berhubungan dengan pemberian *tauliah* di bawah seksyen ini, termasuk fi-fi yang boleh dikenakan;

(*b)* tatacara Jawatankuasa Tauliah; dan

*(c)* elaun yang patut dibayar kepada anggota-anggota Jawatankuasa itu.

**Kesalahan mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam tanpa tauliah**

**119.** (1) Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

*(a)* mana-mana orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh Majlis di bawah seksyen 121 Enakmen ini; atau

(*b)* mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarganya sahaja.

**Sekolah Agama Islam**

**120.** Tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 [Enakmen No.2/1988] Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftarkan sekolah-sekolah Agama Islam di Negeri Selangor.

**Pengecualian**

**121.** Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN XI

AM

**Kuasa am untuk membuat peraturan-peraturan**

**122.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat peraturan-peraturan, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Khususnya, dan tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat untuk mengadakan peruntukan bagi—

*(a)* tatacara Majlis, bentuk dan cara penyempurnaan suratcara oleh Majlis, dan pelantikan pegawai-pegawai Majlis;

*(b)* fi yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini, dan cara memungut dan melupuskan fi-fi itu;

*(c)* pelantikan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis dan kuasa, kewajipan dan tatacaranya;

*(d)* borang, daftar, buku akaun, laporan, akaun, anggaran, dan dokumen lain yang hendaklah digunakan berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini;

*(e)* pengelolaan pungutan khairat dan pelupusan hasilnya;

*(f)* pengelolaan masjid atau surau atau tanah perkuburan dan semua perkara yang berhubungan dengannya;

*(g)* kuasa dan tugas Pegawai Masjid;

*(h)* penentuan dan pindaan sempadan kariah masjid;

*(i)* penjagaan dan pengajaran bagi muallaf, dan kaedah untuk mendaftarkan muallaf;

*(j)* Tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988, pentadbiran sekolah-sekolah Islam dan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran agama Islam; dan

*(k)* perkara-perkara lain yang difikirkan perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

**Pemansuhan**

**123.** Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [Enakmen No. 2 tahun 1989] dan Bahagian IV dan X Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1952 [Enakmen No.3 tahun 1952] dimansuhkan.

**Kecualian dan peralihan**

**124.** (1) Semua kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang mansuh menurut kuasa oleh Enakmen ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, semua kuasa Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini dan mana-mana sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain atau selainnya tentang Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen [Akta] terdahulu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Mahkamah di bawah Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA

(Subseksyen 2(3))

BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

| | | |
|---|---|---|
| *Faraq* | – | فرق |
| *Fasakh* | – | فسخ |
| *Fatwa* | – | فتوى |
| *Hadith* | – | حديث |
| *Hukum Syarak* | – | حكم شرع |
| *Ijtihad* | – | اجتهاد |
| *Kariah* | – | قرية |
| *Nas* | – | نص |
| *Naqib* | – | ناقيب |
| *Nazr* | – | نذر |
| *Qaul muktamad* | – | قول معتمد |
| *Quran* | – | قرأن |

## JADUAL KEDUA

(Subseksyen 8(3))

1. Tiada apa-apa jua dalam seksyen 8 boleh disifatkan sebagai membenarkan Majlis membuat perintah untuk menubuhkan apa-apa perbadanan yang mempunyai apa-apa kewajipan, kuasa atau hak yang bukan dalam kewajipan, kuasa atau hak Majlis di bawah Enakmen ini.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Enakmen ini, apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 8 adalah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah perintah itu terkandung dalam Enakmen ini.

3. Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau menambah apa-apa perintah yang dibuat berkenaan dengan mana-mana perbadanan di bawah seksyen 8.

4. Majlis hendaklah menyimpan satu daftar bagi semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 8 dan daftar itu bersekali dengan salinan-salinan semua perintah yang dibuat di bawah seksyen itu hendaklah terbuka kepada pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada waktu-waktu yang ditetapkan oleh Majlis.

5. (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui perintah yang disiarkan dan *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan terbubar di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu, setelah dibayar segala liabiliti, hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Majlis.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan cara yang ditetapkan oleh Majlis.

6. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 8—

*(a)* hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan dengan nama yang diberikan kepadanya oleh Majlis;

*(b)* hendaklah kekal turun temurun;

*(c)* boleh mendakwa dan didakwa atas nama yang diberikan oleh Majlis itu; dan

*(d)* bagi maksud memajukan atau menunaikan fungsi-fungsinya, boleh—

(i) membuat kontrak;

(ii) memegang dan mengurusniagakan atau memperlakukan apa-apa harta alih atau tak alih; dan

(iii) boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini,

tertakluk kepada apa-apa sekatan yang ditetapkan oleh Majlis dalam setiap satu hal.

7. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan, yang hendaklah mengandungi suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh perbadanan itu dengan kelulusan Majlis, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat oleh perbadanan itu dengan kelulusan Majlis.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini, suatu cap yang mengandungi perbadanan itu bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan, atau cap yang disebut dalam subperenggan (2), hendaklah berada dalam jagaan orang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeterai dengan meterai tersebut, dan yang disahkan seperti yang disebut terdahulu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Apa-apa dokumen atau suratcara, yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki supaya dibuat di bawah meterai, boleh disempurnakan oleh perbadanan dengan cara yang sama.

(5) Meterai tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Diluluskan pada 28 April 2003.
[P.U. Sel. (AGM) 0022]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Selangor*